



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 12 Mac 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Isu beras putih campur beras import

48 pengilang, pembungkus beras disiasat

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) buka 48 kertas siasatan ke atas premis pengilang dan pembungkus kerana disyaki terbabit dalam kegiatan mencampur beras putih tempatan dengan beras import. Ia hasil pemeriksaan ke atas 213 premis di seluruh negara menerusi Ops Campur bermula kelmarin.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 5



Minda Pengarang



Ops Campur KPDN jadi permulaan 'pembersihan' industri beras

Beras sebagai makanan ruji rakyat di negara ini sama seperti gandum di Afrika Utara, Eropah dan Amerika Utara atau jagung di Amerika Latin, boleh dianggap sesuatu yang 'sakral' daripada diganggu. Hakikatnya, makanan ruji bukan sekadar membabitkan keutuhan dan kestabilan politik serta ekonomi, bahkan ia menyentuh antara perkara paling sensitif kepada rakyat, iaitu dapur dan periuk nasi mereka. Justeru, sebarang usaha menipu atau memanipulasi bekalan beras perlu ditangani dengan ketegasan maksimum.

Tindakan mana-mana pihak mencampur beras tempatan dengan beras import demi 'untung atas angin' sebenarnya adalah pengkhianatan besar. Mereka bukan hanya menipu pengguna, bahkan mempermain dan memperjudi kestabilan serta keselamatan bekalan makanan negara. Tindakan sebegini bukan sahaja menganiaya rakyat daripada petani hingga isi rumah yang sudah sedia berdepan pelbagai cabaran, malah menjejaskan dasar keselamatan makanan yang cuba diperkukuhkan kerajaan.

Justeru, kita berharap Ops Campur dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) kelmarin yang membawa kepada 48 kertas siasatan dibuka ke atas pengilang dan pembungkus disyaki terbabit dalam kegiatan itu menamatkan keluh kesah rakyat selama ini. Namun, ia tidak boleh berhenti di situ, sebaliknya pihak berkuasa perlu lebih agresif dalam memburu dalang sebenar. Ini kerana sudah terlalu lama aktiviti haram seperti ini berleluasa, memberi ruang kepada kapitalis rakus melakukan apa sahaja demi keuntungan.

Kita yakin undang-undang sedia ada seperti Akta Perihal Dagangan 2011 sudah cukup mendakwa pesalah dengan hukuman berat. Pengilang, pembungkus atau sesiapa sahaja bersubahat sekiranya dibuktikan bersalah boleh dikenakan denda sehingga RM250,000 atau penjara lima tahun, malah syarikat boleh didenda sehingga RM500,000. Namun, kita mengingatkan keberkesanan tindakan ini bergantung pada ketegasan penguatkuasaan. Jika dibiarkan begitu sahaja atau hanya beberapa 'ikan bilis' dihukum, masalah ini akan terus berulang.

Pada masa sama, kita mahu mekanisme kawalan diperketatkan, manakala penggunaan teknologi seperti penapisan DNA beras dibangunkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) diperluas supaya pengkhianatan memanipulasi bekalan beras lebih cepat dikesan.

Bagaimanapun, tugas ini tidak boleh diserahkan kepada pihak berkuasa semata-mata. Orang ramai termasuk pekerja dalam sektor ini yang menyaksikan kegiatan haram ini tidak boleh berdiam diri. Jika mereka memilih untuk menutup mulut, hakikatnya mereka juga bersalah kerana membiarkan penipuan ini berlaku. Perlu diingat, kesan itu akhirnya akan kembali kepada mereka dan keluarga juga apabila bekalan beras dimanipulasi.

Apa yang penting, kita mahu siasatan terhadap 48 premis ini mesti menjadi permulaan kepada 'pembersihan' besar-besaran dalam industri beras. Kerjasama semua pihak daripada KPND, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, industri, persatuan pengguna dan orang ramai dapat memastikan kestabilan makanan negara benar-benar dapat dilindungi.





Ahmad Zahid mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (Bilangan 1 Tahun 2025 di Putrajaya, semalam.

KKM, BNM, KWSP bangun produk asas insurans kesihatan

**Langkah untuk
kekang kenaikan
premium, selain
perkenal pilihan
lebih mampu milik**

Oleh Muhamad Yusri
Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bank Negara (BNM), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membangunkan produk asas insurans kesihatan dan takaful yang menekankan konsep penjagaan kesihatan berbasaskan nilai dan lebih mampan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, langkah itu juga antara beberapa usaha yang dikenal pasti bagi mengekang kenaikan premium Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT), termasuk menyesuaikan kadar premium dan memperkenalkan pilihan lebih mampu milik.

Katanya, inisiatif itu juga sebahagian usaha pembaharuan sektor kesihatan negara yang perlu dilaksanakan segera bagi memastikan akses kepada rawatan perubatan lebih mampan.

"Peningkatan inflasi kos per-

batan menyebabkan peningkatan berterusan dalam tuntutan insurans kesihatan dan takaful.

"Bagi menangani perkara ini, beberapa langkah dikecek pasti bagi mengekang kenaikan premium MHIT iaitu pengagihan kadar pelarasan premium, penagihan pelarasan premium, pengaktifan semula dan penyediaan produk alternatif.

"Pada masa sama, inisiatif pembaharuan sektor kesihatan negara juga perlu disegerakan dalam tempoh tiga tahun bermula 2024 hingga 2026," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kenyataan itu susulan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bilangan 1 Tahun 2025 yang dipengerusikan Ahmad Zahid, di Putrajaya, semalam.

Jamin bekalan makanan

Ahmad Zahid juga berkata, Kementerian Pertanian dan Kelirijaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan 11 komoditi agromakanan utama, termasuk beras, kelapa, ayam dan telur mencukupi bagi memenuhi keperluan sepanjang Ramadan serta persiapan Aidilfitri.

Katanya, kerajaan juga akan memperluas program jualan murah seperti Jualan Rahmah MADANI, Jualan Pra Syawal di Pasar Tani dan Jualan Agro MADANI bagi membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan.

luan pada harga lebih berpatutan menjelang musim perayaan.

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Annuar Musa berkata, BNM serta pihak berkepentingan se-dang bekerjasama untuk menyegerakan pelaksanaan penyelesaian jangka panjang bagi mengawal inflasi kos perubatan dengan berkesan.

Bellau berkata, pihak berkepentingan itu termasuk KKM, Kementerian Kewangan, hospital swasta dan penanggung insurans dan pengendali takaful (ITO).

Menurutnya, BNM sebelum ini telah mengumumkan langkah interim bagi mengekang impak kenaikan premium dan sumbangan MHIT kepada pemegang polisi.

Katanya, menerusi langkah interim itu, 80 peratus pemegang polisi dijangka menghadapi pelarasan premium atau sumbangan tahunan kurang daripada 10 peratus yang disebabkan inflasi tuntutan perubatan.

"Sebahagian besar kos poliklinik langkah interim di atas ditanggung pihak ITO dengan menggunakan sumber komutangan dan rizab yang terkumpul.

"Berdasarkan anggaran awal impak kepada keuntungan industri dari langkah interim ini dianggarkan RM2.6 bilion sepanjang dua tahun akan datang," katanya ketika mengagilkan perbahasan Usul Titah Diraja di Dewan Negara, semalam.

Siasatan beras campur fokus kategori 'Super Import'

Ibadat & Fadilat

bu Hurairah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Allah SWT berfirman: Wahai anak Adam, kerjakanlah ibadah semata-mata untuk-Ku, nescaya Aku penuhi dadamu dengan kekayaan dan Aku tutup kemiskinanmu. Jika engkau tidak kerjakan, maka Aku penuhi dadamu dengan kesibukan. Aku tidak menutup kemiskinanmu." (HR Ibnu Majjah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:19	1:31	4:44	7:32	8:41
Alor Setar	6:18	1:31	4:44	7:31	8:41
P. Pinang	6:18	1:31	4:43	7:32	8:41
Ipoh	6:16	1:28	4:39	7:30	8:39
Kuala Lumpur	6:13	1:26	4:36	7:27	8:36
Shah Alam	6:13	1:26	4:36	7:27	8:36
Johor Bahru	6:04	1:17	4:25	7:19	8:28
Kuantan	6:08	1:20	4:30	7:22	8:31
Seremban	6:12	1:24	4:33	7:26	8:35
Bandar Melaka	6:11	1:23	4:32	7:25	8:34
Kota Bharu	6:11	1:23	4:36	7:24	8:29
K. Terengganu	6:07	1:19	4:31	7:21	8:30
Kota Kinabalu	5:15	12:28	3:40	6:29	7:38
Kuching	5:39	12:52	4:00	6:54	8:03

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kini memberi tumpuan kepada penjualan pek beras kategori 'Super Import' yang memiliki label berwarna biru dalam siasatan membabitkan kegiatan mencampur beras putih tempatan dengan beras import.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata fokus siasatan berpandukan kepada Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan) 2001 yang dikeluarkan melalui Peraturan-Peraturan Perlu (Kawalan Bekalan Beras) 1974.

"Perenggan 2(c) secara jelas termaktub kategori 'Super Import' adalah beras yang diperolehi dari luar Malaysia.

"Saya sudah mengarahkan Bahagian Penguat Kuasa KPDN melaksanakan siasatan segera berhubung isu jualan percampuran beras di pasaran di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 yang merupakan undang-undang

di bawah kawal selia KPDN," katanya menerusi kenyataan semalam.

Kelmarin, Armizan dilaporkan berkata, KPDN akan menguatkuasakan Seksyen 5 Akta 730 untuk mengenal pasti pihak bertindak membuat perihal dagang palsu mengenai kandungan, jenis dan pelabelan beras.

Beliau berkata, perkara itu termasuk kesalahan melakukan penyelewengan penjualan beras dengan menukar bungkus atau label beras yang boleh mengelirukan pengguna.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, dengan Perenggan 2(c) peraturan terbabit, ia bermaksud jualan beras dalam kategori berkenaan perlu 100 peratus beras diimport dari luar Malaysia.

Katanya, jika pek beras kate-

gori 'Super Import' dan dilabel warna biru yang dijual di pasaran didapati mengandungi beras tempatan, amat jelas ia bertentangan dengan undang-undang.

Ini kerana Seksyen 5, Akta Perihal Dagangan 2011 memperuntukkan kesalahan bagi menggunakan, membekalkan atau menawarkan barang dengan perihal dagangan palsu.

"Sebagaimana saya maklumkan semalam (kelmarin), kita akan bekerjasama dengan MARDI dan Jabatan Kimia sebagai agensi

berwibawa untuk melaksanakan analisis sampel.

"Teknologi Pencaparian DNA Beras yang baru dibangunkan oleh MARDI diyakini akan dapat memperkasa keberkesanan siasatan dan penguatkuasaan," katanya.



Armizan Mohd Ali

Isu campuran beras import, tempatan

KPDN buka 48 kertas siasatan

Premis pengilang, pembungkus disyaki terbahit aktiviti campur beras tempatan dengan import

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membuka 48 kertas siasatan ke atas 48 premis pengilang dan pembungkus kerana disyaki terbahit dalam kegiatan mencampur beras putih tempatan dengan beras import.

Ia berdasarkan pemeriksaan ke atas 213 premis di seluruh negara menerusi Ops Campur bermula kelmarin susulan pendedahan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berkaitan perkara itu pada 26 Februari lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam, berkata susulan pemeriksaan itu, pihaknya merampas 300 kampak beras bernilai lebih RM15,000 disyaki dicampur antara beras putih tempatan dan import.

"Sejumlah 300 kampak beras yang dirampas kita gunakan se-

bagai sampel dan penentuan kuantiti untuk hantar kepada Jabatan Kimia dan MARDI bagi tujuan pengesahan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

MARDI menerusi Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi baru-baru ini mendedahkan, kira-kira 40 hingga 50 peratus beras putih import (BPI) daripada 5,000 sampel yang dianalisis, disahkan bercampur dengan beras putih tempatan (BPT).

Pegawai Penyelidik Kanan Biologi Sains (Genetik) Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Mohd Shahril Firdaus Ab Razak, dilaporkan berkata, kajian menggunakan teknologi pencapjarian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang 2023 dan 2024.

Beliau berkata, analisis dibuat bagi mengenal pasti isu kehilangan BPT di pasaran selaras penubuhan Petugas Khas Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan pada 2023 dengan campuran beras dipercayai berlaku di peringkat pengilang dengan petani menanam padi menggunakan benih tempatan.

Sasar periksa 2,000 premis

Mengulas lanjut, Azman berkata, pihaknya menyasarkan untuk memeriksa kira-kira 2,000 premis pengilang dan pembungkus dalam tempoh terdekat bagi memastikan isu beras campur dapat ditangani segera.

"Ops Campur ini adalah operasi berterusan dan kita akan periksa semua premis di seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan.


"Jadi saya ingin memohon semua pihak terutama yang terbahit dalam industri padi dan beras ini supaya memberi kerjasama kepada KPDN untuk kami melaksanakan operasi ini dan kami tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pihak yang cuba menggagalkan operasi ini," katanya.

Azman berkata, Ops Campur juga bertujuan membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam menambah baik industri padi dan beras negara, sekali gus memastikan pengguna menggunakan bekalan beras yang sepatutnya (tanpa campuran) agar setimpal dengan harga yang dibayar.

Beliau berkata, penguatkuasaan Ops Campur itu merangkumi perundangan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (AKta 730) dan tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu.

"Bagi individu, mereka boleh disabitkan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat pula, denda ti-



KPDN menjalankan pemeriksaan di premis pengilang dan pembungkus beras dalam Ops Campur. (Foto ihsan KPDN)

dak melebihi RM250,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM500,000," katanya.

Azman berkata, Ops Campur juga bertujuan membantu KPKM

menambah baik industri padi dan beras negara, sekali gus memastikan rakyat menggunakan bekalan beras yang sepatutnya (tanpa campuran) agar setimpal dengan harga yang dibayar.

Ops Campur dilancar, periksa kilang

- KPDN buka 48 kertas siasatan
- Rampas 300 kampil pada hari pertama

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membuka sebanyak 48 kertas siasatan terhadap premis pengilang dan pembungkus yang disyaki mencampur beras tempatan dengan import.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, operasi hari pertama itu memeriksa 213 premis dengan hampir 300 kampil beras yang disyaki dicampur telah disita untuk tindakan lanjut.

"Setakat semalam (kelmarin), kita telah membuat pemeriksaan ke atas 213 premis pembungkus dan juga kilang di seluruh negara dan membuka 48 kertas siasatan dengan melibatkan nilai rampasan sampel melebihi RM15,000.

"Sitaan ini bertujuan sebagai pensampelan dan penentuan kualiti yang akan dikemukakan kepada Jabatan Kimia Malaysia-



AZMAN (tengah) menjawab pertanyaan wartawan ketika memberikan sidang akhbar mengenai Op Campur di Putrajaya semalam.

dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian," katanya pada sidang akhbar di sini.

Menurut Azman, Ops Campur dilancarkan di seluruh negara bermula semalam susulan

pendedahan Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi Mardi terdapat pencampuran beras tempatan dan import.

Justeru, katanya, KPDN mengambil langkah segera de-

ngan melaksanakan pemeriksaan ke atas beras tempatan dan import di peringkat pengilang.

Katanya, ia bagi memastikan aktiviti percampuran beras tersebut dapat dibanteras ke

atas rantaian pembekalan yang terlibat.

"Menteri KPDN, Datuk Armizan Ali telah memulakan inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini dengan mengadakan perjumpaan khas bersama dengan Mardi dan seterusnya mengarahkan Ops Campur dilaksanakan serta-merta," katanya.

Dalam pada itu, Azman berkata, pihaknya turut menyasarkan untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kira-kira 2,000 premis pengilang dan pembungkus di seluruh negara dalam masa terdekat dalam usaha membanteras kegiatan tersebut.

Katanya lagi, KPDN juga telah mengerahkan seramai 2,400 pegawai penguat kuasa menerusi operasi tersebut bagi mendapatkan sampel-sampel beras yang disyaki dicampur.

"Objektif utama kita laksanakan Ops Campur ini adalah untuk membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam agenda menambah baik agenda padi dan beras negara.

"Dalam masa sama, kita hendak pastikan pengguna yang makan nasi setiap hari ini mendapat bekalan beras yang sepatutnya dengan nilai dibayar," jelasnya.



AHMAD ZAHID (tengah) ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif NACCOL kelmarin.

Komited tangani kos sara hidup rakyat

- Fokus utama kawal kenaikan premium insurans, takaful perubatan
- Perkukuh perlindungan sosial

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

PETALING JAYA – Kerajaan komited untuk menangani isu kos sara hidup rakyat secara berkesan melalui pelbagai langkah strategik bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara itu telah dibincangkan dalam Mesyuarat

Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil. 1/2025, yang dipengerusikan beliau semalam.

Katanya, kerajaan menyedari cabaran yang dihadapi oleh rakyat, khususnya dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang mampan dan bekalan keperluan asas pada harga yang berpatutan.

"Antara fokus utama mesyuarat ialah usaha mengawal kenaikan premium insurans dan takaful perubatan, memastikan bekalan makanan mencukupi menjelang Ramadan dan Syawal.

"Serta memperkukuh perlindungan sosial dan pepadanan pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat," katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Menurutnya, beberapa lang-

kah telah dirangka termasuk pengagihan kadar pelarasan premium insurans kesihatan, penanguhan kenaikan premium serta pembangunan produk insurans kesihatan yang lebih mampu milik bagi memastikan akses perkhidmatan kesihatan yang lebih baik untuk rakyat.

• Dalam pada itu, katanya, kerajaan juga akan memperkukuh program jualan murah seperti Jualan Rahmah Madani dan Jualan PraSyawal di Pasar Tani bagi membolehkan rakyat mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih berpatutan terutama menjelang musim perayaan.

"Langkah-langkah yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini akan diterjemahkan kepada pelaksanaan yang memberi manfaat langsung kepada rakyat, insya-Allah," ujarnya.

Siasat 48 kilang campur beras

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membuka 48 kertas siasatan ke atas 48 premis pengilang dan pembungkus kerana disyaki terbabit dalam kegiatan mencampur beras putih tempatan dengan import.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, ia berdasarkan pemeriksaan ke atas 213 premis di seluruh negara menerusi Ops Campur, kelmarin, susulan pendedahan Institut Penyelidikan dan Kemajuan

Pertanian Malaysia (Mardi) berkaitan perkara itu.

“Hari pertama Op Campur semalam (kelmarin), KPDN memeriksa 213 premis dan sebanyak 48 kes dihasilkan.

“Dalam pemeriksaan itu, kami merampas 300 kampil beras RM15,000 disyaki beras yang dicampur antara beras putih tempatan dan beras import.

“(Sebanyak) 300 kampil beras yang dirampas ini kami gunakan sebagai sampel untuk kita hantar kepada Jabatan Kimia dan Mardi bagi tujuan penge-

sahan,” katanya.

Mardi mendedahkan 40 hingga 50 peratus beras putih import (BPI) daripada 5,000 sampel dianalisis, disahkan bercampur beras putih tempatan.

Pegawai Penyelidik Kanan Biologi Sains (Genetik) Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi Mardi Mohd Shahril Firdaus Ab Razak dilaporkan berkata, kajian menggunakan teknologi pencapjarian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang 2023 dan tahun lalu.



Dua penguat kuasa KPDN menjalankan pemeriksaan terhadap premis pembungkus dan pengilang beras di seluruh negara dalam Ops Campur yang bermula pada Isnin.

■ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah merampas 300 kampil beras daripada 213 premis pembungkus dan pengilang pada hari pertama Ops Campur dilancarkan. Sebanyak 48 kertas siasatan turut dibuka ke atas premis yang disyaki terbabit dalam kegiatan mencampur beras putih tempatan dengan beras import.

■ Sementara itu, Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali menegaskan pihaknya akan menjalankan siasatan segera jualan pek beras kategori Super Import yang mempunyai label berwarna biru bagi mengenal pasti penyelewengan penjualan beras di pasaran.

4

PERANG BERAS CAMPUR

Kerajaan bangun produk insurans

BNM, KKM, KWSP bakal sedia insurans asas kesihatan, takaful

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**
SHAH ALAM

Bank Negara (BNM), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membangunkan produk asas insurans kesihatan serta takaful, sekali gus menjadi antara usaha dikenal pasti untuk mengekang kenaikan premium takaful perubatan dan kesihatan (MHIT).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, produk asas insurans kesihatan serta takaful berkenaan menekankan konsep penjagaan kesihatan berasaskan nilai.

Menurutnya, inisiatif itu juga sebahagian daripada usaha pembaharuan sektor kesihatan negara yang perlu dilaksanakan segera bagi memastikan akses kepada rawatan perubatan lebih mampan.

"Peningkatan inflasi kos perubatan menyebabkan peningkatan berterusan dalam tuntutan insurans kesihatan dan takaful.

"Bagi menangani perkara ini, beberapa langkah telah dikenal pasti bagi mengekang kenaikan premium MHIT iaitu pengagihan kadar pelarasan premium, penangguhan pelarasan premium, pengaktifan semula dan penyediaan produk alternatif," katanya dalam satu kenyataan.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)



AHMAD ZAHID

Bilangan 1 Tahun 2025 yang dipengerusikan beliau di Putrajaya pada Selasa.

Hadir sama pada mesyuarat itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Kata Ahmad Zahid, pada masa sama, inisiatif pembaharuan sektor kesihatan negara juga perlu disegerakan dalam tempoh tiga tahun bermula 2024 hingga 2026.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan industri insurans dan takaful menerima banyak maklum balas negatif selepas mengumumkan kenaikan mendadak premium insurans perubatan antara 40 hingga 70 peratus atas alasan kos perubatan yang tinggl.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Ahli Parlimen Bagan Datuk berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

memberi jaminan bekalan 11 komoditi agromakanan utama termasuk beras, kelapa, ayam dan telur mencukupi bagi menampung keperluan masyarakat sepanjang Ramadan serta sebagai persiapan Aidilfitri.

Beliau menambah, program jualan murah seperti Jualan Rahmah Madani, Jualan Pra Syawal di Pasar Tani dan Jualan Agro Madani juga akan diperluaskan kerajaan bagi membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih berpatutan menjelang musim perayaan.

"Kerajaan komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani cabaran kos sara hidup termasuk melalui program peningkatan pendapatan, jualan murah dan bantuan tunai.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa," katanya.



Peningkatan mendadak premium insurans mendorong kerajaan membangunkan sendiri produk asas takaful kesihatan.

KPDN rampas 300 kampil beras

Membabitkan nilai rampasan lebih RM15,000 menerusi Ops Campur.

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 300 kampil beras daripada 213 premis pembungkus dan pengilang yang diperiksa dalam Ops Campur pada Isnin.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, sebanyak 48 kertas siasatan dibuka membabitkan 48 premis diperiksa.

"Nilai rampasan adalah RM15,321.40 dan kesemua beras dirampas dihantar ke Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Jabatan Kimia untuk dianalisis," katanya menerusi sidang akhbar di sini pada Selasa.

Jelas beliau, sekurang-kurangnya 2,000 premis pembungkus dan pengilang akan diperiksa bagi membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam agenda menambah baik industri padi dan beras negara.

"Pada masa sama, kami ingin memastikan pengguna mendapat bekalan daripada gred yang sepatutnya mereka

bayar.

"Jadi beras yang dibeli pengguna itulah sepatutnya beras yang dibayar harganya," ujar beliau.

Jelasnya, selain beras campur, KPDN juga akan memeriksa kandungan peratusan beras hancur dalam setiap kampil.

"Kita akan melihat sama ada peratusan beras hancur yang diisytiharkan kerana ia turut mempengaruhi harga," kata Azman.

Februari lalu, MARDI mendedahkan sekitar 40 hingga 50 peratus beras import daripada 5,000 sampel yang dianalisis disahkan bercampur dengan beras putih tempatan (BPT).

Sampel beras yang diuji menggunakan teknologi pencapirian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu diperoleh daripada KPDN dan Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras yang diambil daripada pengilang pada tahun 2023 serta 2024.



Penguat kuasa KPDN menjalankan pemeriksaan terhadap premis pembungkus dan pengilang beras dalam Ops Campur bermula Isnin.

Pendedahan berkenaan mendorong pelbagai pihak menggesa tindakan tegas diambil terhadap pengilang yang menipu pengguna menjual beras import yang mengandungi kualiti beras campuran BPT.

Dalam pada itu, Azman menggesa komitmen daripada pihak industri padi dan beras dalam operasi berkenaan.

"Saya ingin memohon semua pihak terutama yang terbabit dalam industri padi dan beras ini supaya memberi kerjasama kepada KPDN untuk kami melaksanakan operasi ini.

"Kami tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pihak yang cuba menggagalkan operasi ini," katanya.

Tambah beliau, penguatkuasaan Ops Campur itu merangkumi perundangan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (AKta 730) dan tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu.

Siasat jualan pek beras 'Super Import'

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menjalankan siasatan terhadap jualan pek beras kategori 'Super Import' yang mempunyai label berwarna biru bagi mengenal pasti penyelewengan penjualan beras di pasaran.



ARMIZAN

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, Bahagian Penguat Kuasa kementerian akan melaksanakan siasatan di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 yang merupakan undang-undang di bawah kawal selia KPDN.

"Kita berpandukan kepada Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan) 2001 yang dikeluarkan melalui Peraturan-Peraturan Perlu (Kawalan Bekalan Beras) 1974.

"Perenggan 2(c) secara jelas termaktub kategori 'Super Import' adalah beras yang diperoleh dari luar Malaysia.

"Ini bermaksud jualan beras dalam kategori berkenaan perlulah 100 peratus beras yang di-import dari luar Malaysia," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Sebelum ini beliau dilapor memaklumkan, KPDN akan menguatkuasakan Seksyen 5 APD 2011 untuk mengenal pasti pihak yang bertindak membuat perihal dagang palsu mengenai kandungan, jenis dan pelabelan beras.

Menurutnya, ia termasuk kesalahan melakukan penyelewengan penjualan beras dengan menukar bungkusan atau label beras yang boleh mengelirukan pengguna.

Dalam pada itu, Armizan menjelaskan, pihaknya akan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Kimia sebagai agensi berwajib untuk melaksanakan analisis sampel.

Jelasnya, teknologi pencapjarian asid deoksiribonukleik (DNA) beras yang baharu dibangunkan oleh agensi itu diyakini akan dapat memperkasa keberkesanan siasatan dan penguatkuasaan.

No rule on type of tyre, only right size matters

KUALA LUMPUR: Puspakom Sdn Bhd has refuted claims that vehicle owners are renting tyres to pass inspections due to a supposed regulation requiring vehicles to have the same factory fitted tyre type.

Puspakom chief executive officer Mahmood Razak Bahman said no such requirement existed.

"I have checked this matter. According to the regulations, the vehicle must use tyres that match the size specified in the plan," he said.

He said vehicles were allowed to use different brands or even tubeless tyres as long as they matched the approved size.

"Optional tyre types, including radial and size variations, are listed in a table provided by the Road Transport Department to determine the available alternatives," he added.

Mahmood stressed that the allegations were inaccurate.

"If it (a vehicle) is supposed to have 16-inch tyres, but instead uses 17-inch ones, we will fail it. That is in accordance with the regulations," he said.

Previously, a news report had quoted a lorry owner as claiming that a Puspakom regulation on tyre type was one of the causes of tyre rentals, a scam that allows vehicles to pass inspection at Puspakom.

On Jan 5, Road Transport Department director-general Datuk Aedy Fadly Ramli acknowledged the existence of "cosmetic agents", who provide services such as tyre rentals.

The department said it was planning to collaborate with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to address the issue.

進口白米與本地米混售



內貿部从本月10日开始启动“混合行动”，以针对进口白米与本地米混售的课题，对进口厂商和包装商展开检查和取缔行动。（內貿部图）

阿兹曼：
全国展开“混合行动”的首天，共起获300袋白米，并扣押数个样本以采取后续行动，这些样本总值1万5321令吉40仙。

“混合行動”首日查213場所 內貿部起300袋米

（布城11日讯）国内贸易及生活费部从昨天开始启动“混合行动”（Ops Campur），以针对进口白米与本地米混售的课题，对进口厂商和包装商展开检查和取缔行动。

內貿部執法組主任拿督阿茲曼說，在全國展開“混合行動”的首天，當局已檢查213個場所及開啟48份調查檔案。

“一共起獲300袋白米，並扣押數個樣本以採取後續行動，這些樣本總值1萬5321令吉40仙。本次扣押行動旨在採樣及鑑定數量，然後提交大馬農業研究與發展局（MARDI）及馬來西亞化學局。”

他今天為“混合行動”召開記者會時這麼說。

MARDI在2月26日揭露，執法單位起獲的5000

種進口白米樣本中，有約50%已混入本地白米。

阿茲曼說，“混合行動”也協助農業及糧食安全全部改善國家稻米行業，同時確保消費者食用應有的白米（不含混合物），與所支付的价格相稱。

料1個月查全國2000場所

他提到，在與MARDI和化學局的合作之下，“混合行動”也將涉及檢查全國2000個進口白米廠商及包裝商的場所，預計在一個月內完成。我們的目標是在近日內前往所有場所（檢查場所），因為立即行動對我們而言有利。‘混合行動’涉及2400名執法人員，他們受指示盡速採集樣本。

上述執法行動涵括2011年商品说明法令（730法令），即在730法令第5条文之下，对成分、种类或名称作出虚假商品说明的人士，可在该法令下被采取行动；一旦罪成，个人可被罚款不超过10万令吉或被判监禁不超过3年，或两者兼施；公司则可被罚款不超过25万令吉。

Govt to expand cheap sale programme ahead of Aidilfitri

KUALA LUMPUR: The government will expand the cheap sale programme to help the people get essential goods at affordable prices ahead of the festive season, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He said in a statement that the initiative includes the Rahmah Madani sales, pre-Sydney sales at farmers' markets and Agro Madani sales.

"The Agriculture and Food Security Ministry has guaranteed that the supply of 11 major agro-food items, including rice, coconut, chicken and chicken eggs, will be sufficient throughout Ramadan and preparations for Hari Raya Aidilfitri."

The matter was discussed at the National Action Council on Cost of Living (Nac) Executive Committee meeting yesterday, which was also attended by Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Armizan Mohd Ali, deputy Dr Fuziah Salleh, senior ministry officials, state government representatives and NGOs.

Ahmad Zahid, who is also Naccol chairman, said the meeting discussed medical inflation, which has caused a continuous increase in health insurance and *takaful* claims.

He said several measures have been identified to curb the increase in medical health insurance/*takaful* premiums, including the distribution of premium adjustment request, deferral of premium adjustments, reactivation and provision of alternative products.

He said the national health sector reform initiative also needs to be expedited.

He added that Bank Negara Malaysia collaboration with the Health Ministry and Employees Provident Fund, would take steps to develop basic health insurance and *takaful* products that emphasise the concept of value-based healthcare.

"This initiative is part of the national health sector reform effort that needs to be implemented immediately to ensure access to more sustainable medical treatment."

He said the meeting also reviewed the Social Security Organisation's initiative to strengthen social protection and job matching to reduce the income gap among the people.

Ahmad Zahid said among the initiatives that would be enhanced are efforts to ensure efficient job matching, incentives to employers for hiring workers from groups that are most in need, and strengthening social protection to provide better economic security for workers and their families.

"The government remains committed to implementing various initiatives to address the challenges of living, including through income enhancement programmes, cheap sales and cash assistance." - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Eight companies to appeal RM92.8 mln MyCC penalty for bid-rigging

KUALA LUMPUR: Eight companies will file an appeal against the decision of the Malaysia Competition Commission (MyCC) regarding the RM92.8 million penalty imposed on them over allegations of involvement in a bid-rigging cartel for open tenders.

The companies involved are Dutamesra Bina Sdn Bhd, IDX Multi Resources Sdn Bhd, Mangkubumi Sdn Bhd, Menang Idaman Sdn Bhd, Meranti Budiman Sdn Bhd, Pintas Utama Sdn Bhd, NYL Corporation Sdn Bhd and Kiara Kilat Sdn Bhd.

IDX Multi Resources Sdn Bhd director Rahmat Hidayat Mohamed, representing all eight companies, said on Monday that they will seek a stay of the decision pending the appeal process and will file a notice of appeal with the Competition Appeal Tribunal (CAT) soon.

"Prior to this, MyCC announced its proposed decision through a media statement in April 2024. As a result, all the companies submitted a judicial review application in May 2024 at the High Court here, with the judicial review decision scheduled for



All the companies submitted a judicial review application in May 2024 at the High Court in Kuala Lumpur, with the judicial review decision on scheduled for April 30, 2025.

April 30, 2025.

"However, MyCC issued a media statement regarding the financial penalty (final decision on the fine) on Feb 28 before the judicial review decision," he said.

Rahmat Hidayat said the notice of appeal submitted to CAT is based on strong arguments, including the fact

that the project procurement in 2019 was conducted via an open tender involving 200 companies, ensuring broad competition.

He said the companies consider MyCC's decision and the imposed penalties to be baseless and will challenge MyCC's findings to defend their reputations and uphold integrity. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MBSA selamatkan dua tan makanan daripada dibuang

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Hampir dua tan metrik makanan tidak terjual yang dikumpul dari lima lokasi bazar Ramadan sekitar bandar raya ini diselamatkan daripada dibuang.

Menurut Pengarah, Jabatan Kebersihan Awam dan Kelestarian Sisa, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Mohd. Azmi Amer Khan, ia merupakan berat terkumpul sejak program MySave Food @ Bazar Ramadan 2025 dilaksanakan sejak hari kedua puasa.

Menurutnya, program yang diadakan bagi kali kelima sejak tahun 2021 mendapat kerjasama sepenuhnya daripada peniaga-peniaga di lima lokasi terbabit untuk diserahkan ke lokasi-lokasi sasaran.

"Kami bermula pada hari kedua Ramadan dan sambutan dalam kalangan peniaga di lima lokasi bazar Ramadan amat menggalakkan. Sebanyak 1.87 tan makanan telah diterima daripada peniaga dan diagihkan untuk lima hari program MySave Food @ Bazar Ramadan 2025 ini.

"Kesemua makanan yang dibungkus, diagihkan oleh para sukarelawan ke Politeknik Shah Alam, Masjid Al-Amin di sini,



MOHD. Azmi Amer Khan (tiga, kanan) bersama sukarelawan menimbang lebihan makanan yang dikumpulkan pada program MySave Food @Bazar Ramadan 2025 di Bazar Ramadan Seksyen 17 di Shah Alam, Selangor, kelmarin. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

Surau Al-Amin Seksyen 19 dan Surau Nurul Iman Pangsapuri Teratai Seksyen U16," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, semalam.

Tambahnya, program tersebut berlangsung selama 14 hari sepanjang Ramadan dan akan berakhir sebelum 10 Ramadan terakhir bagi membolehkan sukarelawan terlibat memberi fokus

kepada ibadah.

"Program berkenaan melibatkan kakitangan MBSA, sukarelawan dari Jabatan Pendidikan Negeri, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Majlis Kesukarelawan Universiti Malaysia yang bertugas bermula pukul 6 petang hingga 8 malam untuk mengumpul dan mengagihkan makanan," ujarnya.

Banyak makanan berlembihan di bazar

SHAH ALAM – Lebih 1.8 tan makanan yang tidak terjual di lima lokasi bazar Ramadan sekitar bandar raya ini berjaya diselamatkan daripada terbuang.

Pengarah Jabatan Kebersihan Awam dan Kelestarian Sisa Majlis Bandaraya Shah Alam, Ts. Mohd. Azmi Amer Khan berkata, program sejak 2021 itu mendapat kerjasama sepenuhnya daripada peniaga-peniaga di lima lokasi terbabit.

“Kita bermula pada hari kedua Ramadan dan sambutan dalam kalangan peniaga di lima lokasi bazar Ramadan amat menggalakkan.

“Sebanyak 1.866 tan makanan

telah diterima daripada peniaga dan diagihkan untuk lima hari program MySave Food @Bazar Ramadan 2025 ini,” katanya.

Menurut Mohd. Azmi, program itu melibatkan kakitangan MBSA dan sukarelawan yang bertugas bermula pukul 6 petang hingga 8 malam untuk mengumpul dan mengagihkan makanan.

Tambahnya, selain Seksyen 17, bazar Ramadan Stadium Seksyen 13, 19, 28 dan U16 turut terlibat.

“Kesemua makanan diagihkan ke Politeknik Shah Alam, Masjid Al-Amin di sini, Surau Al-Amin Seksyen 19 dan Surau Nurul Iman Pangsapuri Teratai Seksyen U16,” katanya.



MOHD.AZMI (tiga dari kanan) melihat sukarelawan membungkus lebihan makanan di Seksyen 17, Shah Alam semalam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 MAC 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Mar	Op Campur, KPDN buka 48 kertas siasatan	https://www.buletintv3.my/nasional/op-campur-kpdn-buka-48-kertas-siasatan/	TV3
12-Mar	Ops Campur: KPDN rampas 300 kampit beras	https://www.sinarharian.com.my/article/717046/berita/semasa/ops-campur-kpdn-rampas-300-kampit-	SINAR HARIAN
12-Mar	KPDN buka kertas siasatan, 48 pengilang dan pembungkus disyaki campur beras tempatan, import	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1371219/kpdn-buka-kertas-siasatan-48-pengilang-dan-pembungkus-disyaki-campur	BERITA HARIAN
12-Mar	Beras campur: 48 premis pengilang, pembungkus disiasat	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195751/beras-campur-48-premis-pengilang-pembungkus-	HARIAN METRO
12-Mar	Op Campur: 48 kertas siasatan kes campur beras dibuka	https://www.tvsarawak.my/2025/03/11/op-campur-48-kertas-siasatan-kes-campur-beras-	TVS
12-Mar	KPDN buka 48 kertas siasatan beras campur	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/kpdn-buka-48-kertas-siasatan-	UTUSAN MALAYSIA
12-Mar	KPDN Lancar Ops Campur, 300 Kampit Beras Dirampas	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2401146	BERNAMA
12-Mar	Ops Campur: KPDN rampas 300 kampit beras	https://www.sinarharian.com.my/article/717085/video/berita-semasa-video/ops-campur-kpdn-rampas-300-kampit-	SINAR HARIAN

12-Mar	KPDN launches Ops Campur, 300 bags of rice seized	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-launches-ops-campur-300-bags-of-rice-seized-HN13785460	THE SUN
12-Mar	Ops Campur: KPDN rampas 300 kampil beras dirampas	https://utusan-sarawak.com.my/ops-campur-kpdn-rampas-300-kampil-beras-dirampas/	UTUSAN SARAWAK
12-Mar	KPDN lancar Ops Campur, 300 kampil beras dirampas	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/11/kpdn-lancar-ops-campur-300-kampil-beras-dirampas/	UTUSAN BORNEO
12-Mar	Ops Campur: KPDN rampas 300 kampil beras	https://www.sinarharian.com.my/article/717116/podcast/berita-sinar-harian/ops-campur-kpdn-rampas-300-kampil-beras-dirampas/	SINAR HARIAN
12-Mar	KPDN buka 48 kertas siasatan hari pertama Ops Campur	https://www.kosmo.com.my/2025/03/11/kpdn-buka-48-kertas-siasatan-hari-pertama-ops-campur/	KOSMO
12-Mar	Ops Campur: 48 kertas siasatan dibuka	https://malaysiagazette.com/2025/03/11/ops-campur-48-kertas-siasatan-dibuka/	MALAYSIA GAZETTE
12-Mar	Didenda RM25,000 seorang, miliki 16,620 liter diesel	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/didenda-rm25000-seorang-miliki-16620-liter-diesel/	UTUSAN MALAYSIA